

Ruj.Kami: Prk.ML. 34/40-239(15)  
 Tarikh : 16 Julai 2013

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

Dato'/Tuan

**PENGUATKUASAAN PELAKSANAAN DASAR BARU PELESENAN JABATAN BERKAITAN SYARAT BARU BAGI PUKAT TUNDA (PUKAT BUAYA/BOYA)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan telah mengeluarkan surat pekeliling bil. Prk.ML.32/36(14) bertarikh 23 Disember 2011 mengenai syarat baru bagi pukat tunda (Pukat Buaya/Boya). Jabatan juga telah mengadakan *roadshow* di negeri-negeri terlibat berkaitan dengan impak negatif penggunaan pukat buaya tersebut.

3. Sehubungan itu, Jabatan ini akan menguatkuasakan peraturan berkenaan sepenuhnya **BERMULA 1 NOVEMBER 2013**. Dato'/Tuan diminta untuk memberi makluman dan membuat hebahan kepada setiap pihak-pihak berkepentingan termasuk pemilik vesel pukat tunda mengenai penguatkuasaan syarat baru ini.

4. Dasar baru ini adalah seperti berikut :


- i. Mewajibkan saiz mata pukat tunda di bahagian sayap pukat tunda tidak melebihi 5 meter (195 inci)
- ii. Dilaksanakan ke atas semua vesel Pukat Tunda Zon B di Semenanjung Malaysia

5. Kerjasama daripada dari pihak Dato'/Tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
 (DATO' AHAMAD SABKI BIN MAHMOOD)  
 Ketua Pengarah Perikanan Malaysia  
 Ibu Pejabat Perikanan  
 PUTRAJAYA

zahid@nrc.gov.my

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI



Agensi Pembangunan  
 Perikanan dan Kemajuan

## SENARAI EDARAN :

Pengarah Bahagian Perlindungan Sumber

Semua Ketua Cawangan Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber



Semua Pegawai Perikanan Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

Pengarah Perikanan Negeri Kelantan

Pengarah Perikanan Negeri Terengganu

Pengarah Perikanan Negeri Pahang

Pengarah Perikanan Negeri Johor

Pengarah Perikanan Negeri Sarawak

Pengarah Perikanan Negeri Negeri Sembilan

---

Pengarah Perikanan Negeri Melaka

Pengarah Perikanan Negeri Selangor

Pengarah Perikanan Negeri Perak

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Perikanan Negeri Kedah

Pengarah Perikanan Negeri Perlis

Pengarah Perikanan Negeri W. P. Labuan